



CENDERA KENANGAN ... Rozman menerima cendera kenangan daripada Mohd Harun (dua dari kanan) sambil diperhatikan oleh Shariff (dua dari kiri) dan Ismail (kiri sekali).

Mahasiswa perlu dekatkan diri dengan masyarakat

NST 22.11.2013 9
 OLEH JAINUDIN DJIMIN
 (jainudin@newsabah-times.com.my)

LABUAN: Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Labuan, Rozman Datuk Isli mahu para mahasiswa Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mendekatkan diri dengan masyarakat setempat ketika masih berada di menara gading.

Beliau juga meminta supaya mahasiswa mencurahkan kemahiran, kebijaksanaan dan pengalaman mereka kepada pelajar sekolah rendah dan menengah sebagai dorongan kepada golongan tersebut untuk terus berusaha belajar dan mencontohi para mahasiswa itu sendiri.

“Ruang dan peluang yang terhidang untuk berbakti kepada masyarakat seharusnya tidak dilepaskan begitu sahaja” katanya ketika berucap pada Majlis Penutupan Tamu Gadang 2013 UMSKAL, di Dewan Utama universiti itu pada Ahad.

Dalam waktu yang sama beliau juga menyarankan agar mahasiswa turut sama membabitkan diri dalam bersesuaian yang dapat membantu masyarakat.

Hadir sama di majlis itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al haj, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nazri Osman dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr

Ismail Ali. Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan berkata, Perbadanan Labuan akan terus membantu menajayakan program universiti terutamanya yang membabitkan penduduk setempat.

Katanya, warga universiti sama ada pensyarah, pelajar mahupun kakitangan mempunyai kepakaran dan kemahiran tertentu yang sewajarnya dikongsi dengan penduduk tempatan.

Beliau berkata, sebagai sebuah universiti tunggal di pulau ini, kewujudannya sememangnya turut membantu menjana ekonomi, industry pelancongan, perhotelan, pengangkutan dan restoran melalui kehadiran pelajar, pensyarah dan juga ibubapa pelajar yang datang dari luar Labuan.